

08 JUN 1999

PAS TIDAK BERSEDIA DIPERALATAKAN ANASIR ASING, KATA PEMUDA PAS

KOTA BAHARU, 8 Jun (Bernama) -- Pas tidak akan membenarkan ia diperalatkan dalang luar negara termasuk media asing pada kempen pilihan raya umum akan datang, kata Ketua Pemuda Pas Kelantan Takiyuddin Hassan.

Beliau berkata Pas mempunyai cara tersendiri dalam menghadapi Barisan Nasional pada pilihan raya itu nanti.

"Setakat yang kita tahu Pas tidak terlibat (dengan dalang luar negara) dan pemuda Pas sendiri tidak akan membiarkan perkara itu mempengaruhinya kerana ini politik negara kita, (dan) kita yang menentukan," katanya di sini hari ini.

"Jangan anggap Pas tidak mempunyai pendirian yang sama sebagaimana Umno untuk mempertahankan maruah dan integriti negara kita."

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan taktik kotor pembangkang yang turut dibantu oleh dalang luar negara dan media asing bagi menjadikan pilihan raya kali ini sebagai yang terkotor dalam sejarah Malaysia.

Takiyuddin berkata Pas selama ini sentiasa menggunakan pendekatan bersih ketika berkempen dan tidak memerlukan bantuan asing bagi mencapai matlamatnya mendirikan sebuah negara Islam.

-- BERNAMA

RAR NMO